

PM seru guru kembali kepada perjuangan asal

UM 16 MAY 2000

IPOH 15 Mei— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru seluruh warga pendidik supaya kembali kepada perjuangan asal untuk mendidik dan membentuk generasi pewaris yang berilmu, bagi memartabatkan semula profesion keguruan.

Perdana Menteri berkata, peranan guru kini dipersoalkan oleh masyarakat disebabkan segelintir guru yang mencemarkan profesion tersebut kerana terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan prinsip tugas dan tanggungjawab guru yang sebenar.

Oleh itu, tegas beliau, demi memartabatkan semula profesion keguruan, seluruh warga pendidik perlu kembali kepada perjuangan asal yang dapat memenuhi aspirasi rakyat, negara dan agama.

“Sambutan Hari Guru 2000 yang bertemakan ‘Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan’ begitu bermakna kerana ia memberi peluang kepada warga pendidik untuk menilai semula peranan mereka sebagai pendidik.

“Ia memberi peluang kepada warga pendidik untuk melihat semula peranan yang mereka mainkan selama ini dalam mendidik anak bangsa ke arah kejayaan dan kecemerlangan,” tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam kata-kata aluannya dalam buku cendera-

mata sempena Hari Guru Peringkat Kebangsaan kali ke-29 yang akan dirasmikan oleh beliau di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini esok.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan memang berusaha untuk memperbaiki taraf profesion keguruan dan mengembalikan penghormatan masyarakat terhadap profesion yang mulia itu.

Katanya, kerajaan yakin dengan memartabatkan kedudukan profesion tersebut, guru-guru akan lebih cemerlang dan beriltizam kepada tanggungjawab membina generasi masa depan.

“Tetapi untuk menjayakan hasrat murni ini, para guru sendiri harus berperanan memperbaiki imej dan kedudukan mereka ke arah kebaikan,” tambahnya.

Beliau berkata, mereka harus komited dalam tugas dan tanggungjawab mereka sebagai guru yang sebenarnya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dalam kata-kata aluannya dalam buku yang sama berkata, warga guru perlu menggembelng tenaga untuk mengekalkan martabat profesion keguruan yang sedia ada.

Beliau berkata, malah mereka perlu meningkatkan lagi martabat itu selaras dengan keperluan dan hala tuju negara dalam usaha mewujudkan masyarakat Malaysia abad ke-21 yang berdaya saing dan berdaya maju.